

SKOP PERKHIDMATAN

1. TUJUAN

Perkhidmatan pencucian untuk menjamin kebersihan di kawasan-kawasan yang ditetapkan oleh PSUKPP (pemilik premis). Bagi maksud peraturan ini, perkhidmatan pencucian bermakna membersihkan sebarang benda/bahan yang terbuang atau tidak digunakan lagi yang terdapat di kawasan lapang, di jalan dan pinggir jalan, longkang dan parit.

2. BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN

2.1 JENIS TUGAS

Jenis pencucian untuk kawasan tersebut terbahagi kepada 3 jenis seperti di bawah:

- i) Perkhidmatan Harian
- ii) Perkhidmatan Mingguan
- iii) Perkhidmatan Bulanan

2.2 KAWASAN PERKHIDMATAN

Perkhidmatan pencucian ini meliputi 8 kawasan dan 14 orang pekerja iaitu:

ZON	LOKASI	JUMLAH PEKERJA
KAWASAN I	KEDIAMAN RASMI KETUA MENTERI TERMASUK ANNEX	2
KAWASAN II	KEDIAMAN RASMI SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERMASUK ANNEX	2
KAWASAN III	KEDIAMAN RASMI PEGAWAI KEWANGAN NEGERI	2
KAWASAN IV	KEDIAMAN RASMI PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI	2
KAWASAN V	BANGLO VIP BATU FERINGGI	1
KAWASAN VI	KUARTERS KERAJAAN NEGERI (ROSE AVENUE)	2
KAWASAN VII	KUARTERS KERAJAAN NEGERI (KAMPUNG 18 & BATU LANCHANG)	2
KAWASAN VIII	KUARTERS KERAJAAN NEGERI (JALAN LAHAT – APARTMENT)	1

2.3 BENTUK PERKHIDMATAN DAN KEKERAPAN PENCUCIAN DI KAWASAN I, II, III, IV, V, VI, VII dan VIII

BIL	BENTUK PERKHIDMATAN	KEKERAPAN
1	Menyapu menggunakan pencakar atau <i>hand blower</i> untuk membersihkan sampah dan sisa-sisa di dalam longkang sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari	Setiap Hari (Pagi dan Petang)
2	Menyapu semua lantai, tangga, ruang di koridor di setiap tingkat dan bumbung bangunan.	Setiap Hari (Pagi)
3	Membersih seluruh kawasan kuarters dan longkang dari sebarang objek atau tumbuhan yang boleh menghalang laluan air untuk mengalir.	Setiap Hari (Pagi atau Petang)
4	Mengelap dan membersihkan pondok pengawal keselamatan sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari.	Setiap Hari (Pagi dan Petang)
5	Menyapu bersih dan mop tangga dan laluan pejalan kaki daripada segala sampah, habuk dan kotoran.	Setiap Hari (Pagi atau Petang)
6	Membersihkan semua bahagian dan sudut-sudut di dalam bangunan Annex dan tandas gunasama	Mengikut Keperluan
7	Mengelap dan mop lantai serta membersihkan ruang dan sudut-sudut daripada sawang/sarang labah-labah yang terdapat di dalam bangunan Annex	Mengikut Keperluan
8	Mengosongkan bakul/tong sampah dan dialaskan dengan plastik sampah hitam. Pastikan setiap bakul/tong sampah dialaskan dengan plastik sampah.	Setiap Hari (Pagi atau Petang)
9	Menjaga, menyiram pokok-pokok landskap serta pokok-pokok di dalam pasu bunga milik PSUKPP yang terdapat di sekeliling bangunan kuarters.	Setiap Hari (Pagi atau Petang)
10	Membersih dan mencuci kotoran dari sebarang minyak, lumut dan sebagainya di dalam longkang, tembok dan pagar/disekeliling kuarters dengan menggunakan <i>high pressure water jet</i> atau menggunakan bahan kimia yang bersesuaian (sekiranya perlu)	Mengikut Keperluan
11	Memotong rumput di dalam kawasan kediaman dan dua (2) kaki di kawasan luar pagar/tembok	Setiap Minggu
12	Menyapu atau menggunakan pencakar untuk membersihkan sampah dan sisa-sisa buangan dua (2) kaki di kawasan luar pagar/tembok.	Setiap Minggu
13	Kerja-kerja memotong rumput hendaklah pendek lebih kurang 1" inci dari paras tanah.	Setiap Minggu

14	Kerja-kerja memotong rumput juga adalah meliputi trim pokok-pokok lanskap sebelah dalam dan luar serta yang tinggi hendaklah dicantas kepada lebih 6' meter tinggi atau mengikut ketinggian sedia ada. Sekiranya terdapat dahan-dahan, pokok-pokok kecil hidup atau mati dan kayu yang mati atau membahayakan hendaklah dibuang keluar dari kawasan kuarters.	Mengikut Keperluan
15	Dikawasan pagar hendaklah dibuang segala pokok-pokok yang menjalar ke pagar dan pokok-pokok kecil yang hidup atau mati hendaklah dibuang keluar dari tapak atau kawasan kuarters.	Mengikut keperluan
16	Semua kawasan rata hendaklah dipotong dengan mesin pemotong rumput jenis tolak atau bush cutter, serta peralatan lain seperti <i>Lawn/Grass Rake</i> dan lain-lain. Kerja-kerja menebas dengan menggunakan pisau boleh dilaksanakan di kawasan yang tidak rata.	Setiap Minggu
17	Memungut dan mengumpul rumput yang telah dipotong di dalam kawasan kuarters ke dalam plastik hitam sebelum dibawa keluar.	Setiap kali potongan
18	Menggemburkan tanah bagi pokok-pokok lanskap. Menggantikan atau menanam semula sekiranya terdapat pokok-pokok yang rosak, mati atau hilang.	Setiap Minggu
19	Meracun rumput disepanjang luar pagar keliling kuarters dengan kelebaran maksimum lima (5) kaki.	Mengikut Keperluan
20	Rumput liar dihapuskan seperti rumput semalu dan rumput liar di kawasan kuarters.	Mengikut Keperluan
21	Meracun rumput dalam kawasan kuarters yang belum dibangunkan.	Mengikut Keperluan
22	Membaja pokok-pokok lanskap mengikut spesifikasi tempoh pembajaan yang ditentukan mengikut jenis baja yang digunakan.	Minggu Kedua Setiap Bulan
23	Membersih laluan longkang utama (<i>box culvert</i>)	Minggu Akhir Setiap Bulan
24	Menyapu, memungut, mengangkut, mengumpul dan membersihkan sampah di semua kawasan parkir kenderaan, tanah lapang, gelanggang tenis dan taman permainan kanak-kanak dan kawasan riadah yang terdapat di dalam kawasan kuarters.	Setiap Hari (Pagi atau Petang)

3. SYARAT-SYARAT KONTRAK

- 3.1 Jangka masa kontrak perkhidmatan tersebut adalah untuk **satu (1) tahun** dari tarikh kuat kuasa surat perjanjian ditandatangani.

- 3.2 Tempoh percubaan 3 bulan akan dikenakan. PSUKPP mempunyai kuasa untuk meneruskan atau membatalkan kontrak bergantung kepada prestasi kontraktor dalam tempoh tersebut.
- 3.3 PSUKPP berhak pada bila-bila masa menamatkan kontrak dengan memberi notis satu **(1) bulan** kepada kontraktor.

4. **WAKTU BEKERJA**

Waktu bekerja adalah seperti berikut:-

Hari	Waktu Kerja (Pagi)	Rehat	Waktu Kerja (Petang)
Isnin hingga Sabtu	8.00 – 11.00	11.00 – 12.00	12.00 – 4.00
Ahad	8.00 – 10.30	10.30 – 11.30	11.30 – 3.00

5. **POLISI INSURANS**

- 5.1 Kontraktor yang dipilih hendaklah, sebelum memulakan kerja mengambil di atas tanggungan sendiri satu polisi insuran yang mengandungi syarat dimana pihak kontraktor dan pemilik dijamin dari tindakan undang-undang yang timbul dari tuntutan salah seorang atau semua pekerja yang diambil bekerja oleh pihak kontraktor untuk bayaran gantirugi di bawah akta **Workmans Compensation Ordinance 1952'** atau mana-mana undang-undang yang mengubah, menukar undang-undang tersebut dan dari semua pembayaran yang timbul.
- 5.2 Kontraktor yang dipilih dikehendaki mengambil '**a public liability insurance policy**' untuk menjamin pemilik dari tuntutan, tindakan undang-undang, ganti rugi atau pembayaran yang mungkin dihadapi ke pemilik atau pemilik dipaksa membayar tuntutan yang timbul dari perkara-perkara kemalangan atau kecederaan yang ditanggung oleh kontraktor agen atau pekerja-pekerjanya atau mana pihak yang disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab, kecuaiian atau meninggalkan mana-mana tugas oleh pihak kontraktor, agen atau pekerja-pekerja atau sesiapa yang bekerja di bawah jagaannya.

6. **EMPLOYMENT ORDINANCE 1955**

Kontraktor yang dipilih dikehendaki mematuhi '**Employment Ordinance 1955**' berkaitan dengan syarat-syarat pekerjaan dan bayaran.

- 6.1 Kontraktor yang dipilih mestilah membayar segala bayaran yang diwajibkan kepada pekerja-pekerja, agen dan sesiapa yang bekerja di bawah jagaannya seperti yang dikehendaki oleh '**Employment Provident Funds Ordinance 1951**' dan '**Employment Social Security Act 1969**.'
- 6.2 Kontraktor hendaklah pada setiap masa, sepanjang tempoh perjanjian membayar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

7. TANGGUNGJAWAB ATAS KEROSAKAN / KEHILANGAN

- 7.1 Kontraktor adalah bertanggungjawab di atas segala kerosakan yang timbul dari kecuaiannya semasa pekerja-pekerja menjalankan tugas yang dinyatakan dan kos kerugian tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor
- 7.2 Jika berlaku sebarang kecurian/kehilangan harta benda milik PSUKPP, sebanyak lima peratus (5%) daripada bayaran bulanan kepada kontraktor akan dikurangkan secara automatik tanpa notis.
- 7.3 Apa-apa kehilangan barang-barang berharga, wang tunai dan sebagainya di dalam Kawasan-kawasan tanggungjawab yang telah ditetapkan di mana kehilangan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiannya pekerja-pekerja semasa mereka menjalankan tugas, kos kerugian tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor.
- 7.4 Kontraktor bertanggungjawab membayar ganti rugi kemalangan atau kerosakan terhadap harta benda termasuk pokok-pokok hiasan, apa-apa hak milik awam atau orang awam disebabkan oleh kontraktor, pekerjanya atau agensinya semasa melaksanakan perkhidmatan.

8. JUMLAH PEKERJA

- 8.1 Kontraktor dikehendaki menyediakan sekurang-kurangnya **14 orang** pekerja bagi menjalankan kerja diseluruh kawasan tersebut.
- 8.2 Kontraktor hendaklah mematuhi syarat undang-undang buruh Malaysia yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa dan bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan pekerjanya.
- 8.3 Kontraktor adalah dilarang sama sekali mengambil semula bekas pekerja daripada syarikat terdahulu yang mempunyai rekod perkhidmatan yang tidak memuaskan.
- 8.4 Kontraktor hendaklah menyediakan pengganti jika ada mana-mana pekerja yang tidak hadir bertugas. Pemakluman tersebut hendaklah dibuat kepada PSUKPP dengan kadar segera.

9. PERKHIDMATAN TAMBAHAN

- 9.1 Kontraktor dikehendaki menyediakan **6 orang** pekerja tambahan pada bila-bila masa.
- 9.2 Kontraktor dikehendaki menyediakan pekerja untuk bekerja lebih masa sekiranya diarah pada bila-bila masa dan PSUKPP tidak terikat untuk membayar kerja-kerja tambahan tersebut.

10. TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR

- 10.1 Kontraktor bertanggungjawab ke atas pemilihan ataupun pengambilan pekerja-pekerja berkemampuan, berkebolehan serta mempunyai sifat sebagai seorang pekerja yang dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan sempurna seperti berikut :-

- 10.1.1 Mahir dan berpengalaman dalam selok-belok kerja-kerja pencucian di pejabat, dewan, kediaman dan bangunan.
- 10.1.2 Lengkap beruniform dan mempunyai tanda nama syarikat.
- 10.1.3 Jujur, amanah, bersopan-santun, berdisiplin dan bertanggungjawab.
- 10.1.4 Bebas dari sebarang rekod jenayah; dan
- 10.1.5 Mempunyai asas untuk menulis dan membaca
- 10.2 Kontraktor dikehendaki menyampaikan butir-butir peribadi pekerja seperti nama, nombor kad pengenalan dan lain-lain ke pihak PSUKPP (Pemilik) bagi tujuan rekod.
- 10.3 Kontraktor dikehendaki melantik seorang penyelia untuk mengawasi kerja-kerja yang dijadualkan dan mengadakan seorang pegawai atasan untuk membuat lawatan/pemeriksaan pada tiap-tiap hari untuk memastikan mutu pencucian dan kebersihan, kecergasan dan tatatertib pekerja-pekerja yang bertugas memuaskan.
- 10.4 Mutu perkhidmatan yang dilakukan hendaklah memuaskan dan perakuan oleh penyelia yang dilantik oleh PSUKPP.
- 10.5 Kontraktor dikehendaki mengemukakan satu JADUAL KERJA harian/mingguan/bulanan dalam mengendalikan kerja-kerja tersebut ke pihak PSUKPP.
- 10.6 Semua kerosakan kepada harta PSUKPP yang berlaku atas kecuaiannya kontraktor perlu dibiayai oleh kontraktor.
- 10.7 Perkhidmatan pencucian boleh ditambah dari masa ke semasa dan PSUKPP tidak terikat untuk membayar untuk kerja-kerja tambahan yang akan diperlukan dari semasa ke semasa.
- 10.8 Kontraktor dikehendaki menyediakan senarai bahan-bahan kimia yang akan digunakan di dalam perkhidmatan tersebut dan menghantar senarai berkenaan bersama-sama dengan sebut harga di dalam format yang disertakan. Bahan-bahan tersebut hendaklah dari jenis *non-corrosive*.
- 10.9 Kontraktor hendaklah menyediakan sendiri semua jenis mesin, peralatan dan kenderaan mengangkut keluar sampah yang diperlukan untuk perkhidmatan ini.
- 10.10 Semua alat dan mesin yang digunakan oleh kontraktor hendaklah bersesuaian dengan jenis corak dan keadaan kawasan di mana tugas akan dijalankan.
- 10.11 Semua peralatan mencuci apabila tidak digunakan, perlu disimpan di tempat yang sesuai atau stor penyimpanan barang yang disediakan supaya tidak terdedah kepada pandangan awam. PSUKPP tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan/kerosakan alat-alat tersebut.
- 10.12 Bagi memastikan kerja-kerja dijalankan dengan sempurna mengikut skop yang telah ditetapkan, kontraktor hendaklah memastikan segala peralatan, kenderaan dan mesin sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

- 10.13 Kontraktor mesti bertanggungjawab atas keselamatan peralatan/mesin keupayaan kontraktor yang digunakan oleh pekerja-pekerja.
- 10.14 Kontraktor yang berjaya akan menandatangani satu perjanjian dengan PSUKPP dan Surat Akuan Pembida Berjaya.
- 10.15 PSUKPP berhak mengeluarkan arahan kepada kontraktor untuk memberhentikan mana-mana pekerja yang didapati tidak berdisiplin dan tidak mematuhi arahan atau melanggar mana-mana undang-undang yang menyebabkan terjejasnya imej PSUKPP.
- 10.16 Penalti akan dikenakan oleh PSUKPP kepada kontraktor sekiranya kontraktor gagal memenuhi obligasi kontrak seperti yang dinyatakan. Sekiranya kontraktor gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang diberikan dengan sempurna, Surat Amaran pertama akan dikeluarkan dan potongan akan dikenakan kepada pihak kontraktor.

11. HAL-HAL LAIN

- 11.1 Semua arahan tambahan yang diberi secara bertulis atau lisan oleh PSUKPP atau wakilnya hendaklah dipatuhi.
- 11.2 Pada bila-bila masa apabila tambahan kerja diperlukan oleh PSUKPP maka kontraktor hendaklah mematuhi kehendak tersebut dan kadar bayaran yang akan dibayar oleh PSUKPP adalah seperti mana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- 11.3 PSUKPP boleh mengubah skop kerja dalam kontrak ini atau mengarahkan supaya kontraktor menjalankan mana-mana kerja seperti yang diarah dari semasa ke semasa.
- 11.4 PSUKPP tidak terikat untuk memilih mana-mana sebut harga sama ada yang terendah atau yang tertinggi.